



PEMENANG pertandingan Cabaran Bolasepak Cilik bergambar selepas menerima hadiah sempena Pesta Konvo Universiti Putra Malaysia Ke-42, semalam.

Putra Eleven bergelar juara

KUALA LUMPUR 27 Okt. - Ke-lincahan pemain Putra Eleven bergelar membuah hasil apabila muncul juara pertandingan Bola Sepak Cilik bawah usia enam tahun.

Dalam aksi perlawanan akhir, pasukan dari Presint 11 Putrajaya itu menewaskan SKFC dengan keputusan 1-0 dan membawa pulang hadiah wang tunai RM200, medal serta trofi kejohanan.

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan Ketua Bahagian Penjanaan dan Operasi Universiti Putra Malaysia

(UPM), Abdull Ghaffar Othman.

Beberapa acara lain turut diadakan sempena pesta konvokesyen universiti tersebut antaranya Pertandingan Mewarna Kanak-kanak dan Ekplorace.

Sementara itu, pemenang Pertandingan Mewarna Kategori A (7 hingga 9 tahun), Wong Min Ni, 9, berkata, acara tersebut amat baik kerana memberi pendedahan kepada kanak-kanak untuk bersaing secara sihat selain membentuk sikap kreatif dalam diri.